

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1.



Encik Talib membawa keluarganya _____ di Tasik Kenyir semasa cuti sekolah yang lalu.

- A buah tangan C makan angin
B jalan tengah D masam manis

2. Para penonton terpegun apabila mendengar _____ biola yang mendayu-dayu daripada pemuzik terkenal itu.

- A petikan C gosokan
B gesekan D tepukan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Bunyi enjin kereta yang *kasar* itu memecah kesunyian malam.
II Kain songket yang dibeli oleh Anita itu murah harganya kerana tenunannya *kasar*.
III Akibat terlalu kuat bekerja sejak muda, kedua-dua tapak tangan nenek *kasar*.
IV Tindakan *kasar* pemain bola sepak itu dalam perlawanan menyebabkan kad merah dilayangkan kepadanya.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

4. I Pada *pengajaran* saya, budak yang nakal patut dirotan.
II Jadikan kesilapan yang telah kamu lakukan ini sebagai *pengajaran*.
III Sebelum memulakan *pengajaran*, guru-guru seharusnya menarik perhatian murid terhadap tajuk yang akan dibincangkan.

IV Asam rebus buatan Salwa sedap kerana dia memasak berdasarkan *pengajaran* ibunya.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Amalan gotong-royong boleh memberikan berbagai faedah kepada masyarakat.

- A boleh memberi pelbagai faedah
B dapat memberikan pelbagai faedah
C dapat memberi berbagai faedah
D boleh memberikan berbagai faedah

6. Para peserta ekspedisi itu berjalan mengikut kumpulan dengan berpandukan kepada kompas.

- A berpandu kompas
B berpandukan kompas
C berpandu pada kompas
D berpandukan kepada kompas

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Mak Esah membeli sesikat pisang dan sepaket tepung di Pasar Mini Ah Lin.
II Para guru mestilah sentiasa menunjukkan sikap yang positif agar dapat diteladani oleh murid.
III Sasya menghadihkan sebetuk gelang emas kepada ibunya.
IV Setiap orang peserta pertandingan itu dikehendaki membayar yuran penyertaan.

- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Ribuan penonton-penonton membanjiri stadium untuk menyaksikan perlawanan tersebut.
II Kambing-kambing yang sedang meragut rumput di padang itu bertempiran apabila didatangi sekumpulan anjing liar.
III Semua murid tingkatan tiga akan menduduki Ujian Akhir Sesi Akademik pada hujung bulan ini.
IV Murid yang memenangi pertandingan menulis esei bahasa Inggeris itu dari Sandakan asalnya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

9. Kejayaan atlet negara dalam pelbagai kejohanan sukan bertaraf dunia itu telah menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang disegani.

- A Malaysia telah menjadi antara negara yang dihormati kerana mempunyai atlet yang berjaya dalam pelbagai kejohanan sukan antarabangsa.
B Kejayaan atlet Malaysia dalam berbagai-bagai acara sukan antarabangsa telah menyebabkan nama mereka terkenal.
C Atlet Malaysia dihormati oleh dunia kerana telah memenangi pelbagai kejohanan sukan yang utama.
D Berbagai-bagai pertandingan sukan bertaraf dunia yang disegani telah dimenangi oleh atlet Malaysia.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Danial sangat gembira apabila kakaknya menghadihkan sebuah komputer riba yang diidam-idamkan selama ini.

Situasi ini sesuai dengan peribahasa

- A orang mengantuk disorongkan bantal.
B pucuk dicita ulam mendatang.
C habis madu sepah dibuang.
D si buta mendapat tongkat.